

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

13. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang dalam tempoh masa 5 tahun ini?

YB. ZAIRIL KHIR JOHARI

MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI

13. Bagi menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah merancang beberapa Program Tebatan Banjir seperti *High Impact Projects* (HIP) dan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Caruman Perparitan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri serta projek *way forward* yang bernilai besar yang memerlukan suntikan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

Bagi menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun ini, terdapat 8 projek *High Impact* dan 6 projek RTB di bawah Caruman Perparitan yang telah dirancang bermula tahun 2017 sehingga 2020 menggunapakai peruntukan Kerajaan Negeri.

Manakala terdapat 13 projek *way forward* yang memerlukan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.0 billion bagi tempoh pelaksanaan sehingga tahun 2030.

Perincian kesemua projek adalah seperti di **Lampiran A**.